

30/03/2002

Siva mohon maaf isu asing pelajar

Mohd Fuad Razali; Kadir Dikoh; Magendran Rajagopal
KUALA LUMPUR, Jumaat - Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) malam ini memohon maaf kepada semua pihak berikutan dakwaannya berlaku pengasingan pelajar mengikut kaum di sekolah.

Setiausaha Agungnya, Datuk N Siva Subramaniam, mengakui pihaknya salah faham dengan keadaan yang wujud di sekolah.

Beliau berkata, keputusan membuat pengakuan itu dicapai sebulat suara dalam mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi NUTP yang berlangsung kira-kira satu jam di sini, malam ini.

"NUTP memohon maaf kerana isu yang dibangkitkan turut menimbulkan salah faham di kalangan pelbagai pihak terhadap tujuan sebenar kesatuan berbuat demikian," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat itu.

Bagaimanapun, Siva enggan menyatakan sama ada NUTP masih berpendirian pengasingan pelajar mengikut kaum berlaku secara tidak langsung tetapi berkata, beliau menyerahkan perkara berkenaan kepada polis yang sedang menyiasat mengenainya.

Katanya, persetujuan itu juga selaras dengan nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya isu itu tidak diperbesarkan lagi.

"NUTP menyanjung tinggi kebijaksanaan Perdana Menteri mengatasi isu ini. NUTP akur permintaan beliau (Dr Mahathir) supaya kesatuan meminta maaf kerana isu ini telah menimbulkan salah faham pelbagai pihak.

"Saya ingin menegaskan NUTP tidak mempunyai sebarang agenda tersembunyi dengan membangkitkan isu ini, sebaliknya kesatuan (berbuat demikian kerana) prihatin dengan masa depan pendidikan negara.

Di SHAH ALAM, Dr Mahathir berharap pertikaian berhubung isu pengasingan pelajar di sekolah tidak diperbesarkan lagi sehingga mengheret perkara itu ke mahkamah, sebaliknya menasihatkan semua pihak supaya menyelesaikannya secara aman.

Beliau berkata, semua pihak harus menerima hakikat bahawa manusia kadang kala melakukan kesilapan dan perkara ini wajar diambil kira bagi menangani sesuatu isu berbangkit.

"Kalau dia minta maaf cukuplah, selesailah. Apalah nak berperang kerana itu saja," kata Dr Mahathir pada sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Barisan Nasional (BN) Selangor.

Dr Mahathir mengulas tindakan beberapa guru besar untuk menyaman Siva berikutan dakwaannya yang disifatkan berunsur hasutan.

Mesyuarat NUTP itu turut dihadiri Presiden NUTP, Tengku Habsah Tengku Petera; Setiausaha Agung Cuepacs, Abdul Rahman Manan; bekas Presiden NUTP, Gurnam Singh dan Abu Bakar Shawkat Ali.

Siva mengakui beliau dan Tengku Habsah hari ini dipanggil polis untuk siasatan.

Sewaktu siasatan itu, beliau turut menyerahkan memorandum NUTP yang dihantar kepada Kementerian Pendidikan serta semua dokumen berkaitan dakwaan yang dibuat kesatuan berkenaan.

"Kita akan memberi kerjasama penuh kepada polis untuk meneruskan siasatan itu," katanya.

Mengenai tindakan ahli yang mengisytiharkan keluar daripada NUTP berikutan keengganan NUTP dan Siva memohon maaf sebelum ini, beliau berkata:

"Itu hak individu dan ini adalah demokrasi. Kita tidak gentar dan yakin guru yang bijaksana akan tetap bersama dengan NUTP."

(END)

